



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

3 April 2024

IFTAR RAMADAN KUMPULAN YAYASAN SABAH BERSAMA MASYARAKAT

TUARAN (Selasa): Kumpulan Yayasan Sabah melalui pejabat Zon Pantai Barat Selatan telah menganjurkan acara Iftar pada 2 April 2024, menghimpunkan masyarakat setempat untuk berbuka puasa di bulan Ramadan yang mulia.

Majlis diadakan bertempat di Masjid Tun Hamdan, Kg. Selupoh, Tuaran. Seramai 200 orang telah menghadiri majlis ini. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Abdul Kassim Razali mewakili Ketua Menteri Sabah, Ketua Penyelaras Pentadbiran Zon Kumpulan Yayasan Sabah, Encik Zulkhairi Haji Ismail, Pemimpin Pembangunan Masyarakat N12 Sulaman, Tuan Haji Murneh Lamsari dan para pemimpin masyarakat setempat.

Datuk Abdul Kassim turut menyampaikan sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah kepada Masjid Tun Hamdan dan sumbangan bakul makanan kepada seramai 50 orang asnaf.



Gambar 1: Datuk Abdul Kassim (barisan depan, lapan dari kiri) bersama penerima sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah. Turut dalam gambar, Encik Zulkhairi (barisan depan, sembilan dari kiri).



Gambar 2: Penduduk Kg. Selupoh berbuka puasa bersama staf Kumpulan Yayasan Sabah.

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526
Emel : ynwaskarnail@gmail.com